A

Wong Chee Wei lwn ASP Ali bin Ahmad dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN JENAYAH NO JA-44–51–05 TAHUN 2021
ABU BAKAR KATAR H
1 SEPTEMBER 2021

C *Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Permohonan untuk habeas corpus — Sama ada pemohon mengunakan 'mode' yang salah untuk mencabar perintah pengawasan polis yang dikeluarkan di bawah s 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 — Akta Pencegahan Jenayah 1959 ss 4 & 15*

D Ini merupakan satu permohonan 'writ of habeas corpus' oleh pemohon yang ditahan reman selama 38 hari di bawah s 4(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta') mulai 14 April 2021 hingga 21 Mei 2021 ('perintah reman'). Pemohon menjalankan perniagaan atas nama STMT Recycle Sdn Bhd yang antara
E lainnya membeli, menjual, mengangkut, menyimpan, membekal, mempromosi dan menguruskan semua bentuk logam terpakai. Pemohon kemudiannya telah ditangkap pada 15 Mac 2021 kerana dikatakan terlibat dengan kecurian kabel kepunyaan satu syarikat komunikasi di Malaysia. Pemohon telah di reman mengikut peruntukan s 4(1)(a) Akta selama 21 hari
F dan kemudiannya di tahan selama 38 hari mengikut peruntukan s 4(2)(a) Akta. Pemohon pada 12 Mei 2021 telah memfailkan permohonan habeas corpus mencabar perintah reman tersebut. Pemohon memfailkan permohonan ini berdasarkan responden kedua gagal mematuhi prosedur reman s 4 Akta yang diputuskan dalam kes *Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin*
G *Rodzuan and other cases* [2021] 3 MLJ 759 ('kes *Zaidi bin Kanapiah*') dan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh pemohon tidak termasuk dalam kesalahan berdaftar Akta. Responden-responden berpendirian perintah reman tersebut sah dan kesalahan yang dilakukan oleh pemohon termasuk dalam kesalahan berdaftar dan sekali gus peruntukan Akta terpakai. Sebelum
H pendengaran bermula, peguam persekutuan ('PP') yang terpelajar mewakili semua responden mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan pemohon atas isu-isu berikut: (a) pemohon mengunakan 'mode' yang salah untuk mencabar perintah pengawasan polis bertarikh 20 Mei 2021 yang dikeluarkan di bawah s 15 Akta oleh Lembaga Pencegahan Jenayah; dan
I (b) pemohon gagal menamakan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagai suatu pihak dalam permohonan untuk mencabar perintah tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Semasa permohonan pemohon difailkan pada 12 Mei 2021, pemohon masih berada dalam perintah reman 38 hari lagi. Ketika itu pemohon memilih mode yang betul iaitu memfailkan habeas corpus mengikut peruntukan s 365(a)(ii) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Walau pun begitu, sebaik pemohon di letakkan di bawah perintah pengawasan polis di bawah s 15 Akta, pemohon ketika itu tidak berada dalam tahanan atau kurungan salah bagi membolehkan pemakaian s 365 KTJ. Pemohon masih mempunyai ruang untuk mencabarnya melalui semakan kehakiman yang diperuntukkan di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Keputusan Mahkamah Persekutuan yang muktahir dalam kes *Goh Leong Yong v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan & Ors* [2021] 5 MLJ 474 ('kes *Goh Leong Yong*') seharusnya diikuti oleh mahkamah dan bukannya kes *Zaidi bin Kanapiah*. Mahkamah terikat dengan keputusan kes *Goh Leong Yong* dalam isu akademik. Sehubungan itu sebaik perintah pengawasan polis dikeluarkan, perintah reman 38 hari telah menjadi perkara yang akademik dan pemohon dihalang untuk mencabarnya bagi tujuan habeas corpus (lihat perenggan 18, 21, 23, 26 & 30).

(2) Oleh kerana bantahan isu (a) memihak kepada responden, ia memadai untuk membenarkan bantahan awal yang dikemukakan oleh PP. Pemohon memfailkan permohonan secara 'mode' yang salah sebaik Lembaga Pencegahan Jenayah mengeluarkan perintah pengawasan polis ke atas pemohon (lihat perenggan 37 & 40).

[English summary

This was an application for writ of habeas corpus by the applicant that was remanded for 38 days under s 4(2) of the Prevention of Crime Act 1959 ('the Act') from 14 April 2021 to 21 May 2021 ('remand order'). The applicant was in business on behalf of STMT Recycle Sdn Bhd of which among others buying, selling, transporting, storing, supplying, promoting and managing all forms of used metal. The applicant was later arrested on 15 March 2021 for alleged involment in cable theft belonging to a communications company in Malaysia. The applicant was remanded in accordance with the provisions of s 4(1)(a) of the Act for 21 days and then detained for 38 days in accordance with the provisions of s 4(2)(a) of the Act. The applicant on 12 May 2021 had filed a habeas corpus application challenging the remand order. The applicant filed this application based on the second respondent failing to comply with the remand procedure of s 4 of the Act decided in the case of *Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases* [2021] 3 MLJ 759 ('the case of *Zaidi bin Kanapiah*') and the offence allegedly committed by the applicant was not included in the registered offences of the Act. The respondents were of the view that the remand order was valid and the offence committed by the applicant was included in the registered offence and thus the provisions of the Act applied. Before the hearing began, the learned federal counsel ('PP')

representing all respondents lodged preliminary objections to the applicant's application on the following issues: (a) the applicant used the wrong mode to challenge the police supervision order dated 20 May 2021 issued under s 15 of the Act by the Prevention of Crime Board; and (b) the applicant failed to name the Prevention of Crime Board as a party in the application to challenge the order.

Held, dismissing the application:

(1) When the applicant's application was filed on 12 May 2021, the applicant was still under remand order for another 38 days. At that time the applicant chose the correct mode which was to file habeas corpus in accordance with the provisions of s 365(a)(ii) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). However, once the applicant was placed under a police supervision order under s 15 of the Act, the applicant at that time was not in detention or wrongful confinement to enable the application of s 365 of the CPC. The applicant still had room to challenge it through judicial review provided under O 53 of the Rules of Court 2012. The recent decision of the Federal Court in the case of *Goh Leong Yong v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan & Ors* [2021] 5 MLJ 474 ('the case of *Goh Leong Yong*') should be followed by the court instead of the case of *Zaidi bin Kanapiah*. The court was bound by the decision of the *Goh Leong Yong* case on academic issues. Accordingly, once the police supervision order was issued, the 38 day remand order became an academic matter and the applicant was barred from challenging it for the purpose of habeas corpus (see paras 18, 21, 23, 26 & 30).

(2) Since the objection of issue (a) was in favour of the respondent, it was sufficient to allow the preliminary objection submitted by the PP. The applicant filed the application in the wrong mode once the Prevention of Crime Board issued a police surveillance order on the applicant (see paras 37 & 40).]

Kes-kes yang dirujuk

Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645, MP (diikut)
Cheow Siong Chin v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1985] 2 MLJ 95; [1985] CLJ Rep 59, MA (diikut)
Goh Leong Yong v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan & Ors [2021] 5 MLJ 474; [2021] 1 LNS 994, MP (diikut)
HS Realty Sdn Bhd v Yeoh Eng Wah (Yeoh Hock Khoon & Anor, intervener) [2020] MLJU 327; [2020] 1 LNS 256, MT (dirujuk)
Kerajaan Malaysia & Ors v Nasharuddin Nasir [2003] MLJU 841; [2004] 1 CLJ 81, MP (dirujuk)
L Rajanderan a/l R Letchumanan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia and Others [2010] MLJU 554; [2010] 7 CLJ 653, MP (dirujuk)
Mohamad Ezam bin Mohd Noor v Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4

MLJ 449; [2002] 4 CLJ 309, MP (dirujuk)
Mohd Faizal bin Haris v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2006] 1 MLJ 309; [2005] 4 CLJ 613, MP (dirujuk)
Mohd Shahriman Mohd Khairil v PP & Anor [1998] 2 CLJ 855, MT (dirujuk)
Periasamy s/o Sinnappan & Anor v PP [1996] 2 MLJ 557, MR (dirujuk)
Sejahratul Dursina @ Chomel bte Abdullah v Kerajaan Malaysia & Ors [2006] 1 MLJ 405; [2008] 1 CLJ 593, MP (diikut)
Tee Yam @ Koo Tee Yam v Timbalan Menteri, Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 5 MLJ 645; [2005] 6 CLJ 550, MT (dirujuk)
Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran [2006] 6 MLJ 689, MP (dibeza)
Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases [2021] 3 MLJ 759, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 2, 14
Akta Mahkamah Rendah 1948 s 107
Akta Pencegahan Jenayah 1959 ss 4, 4(1)(a), (2), (2)(a), 15, 15B(1), (2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 15 k 6(2)(b), A 53
Kanun Tatacara Jenayah s 365, 365(a)(ii)
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pembenterasan Jenayah) 1969 s 3(3)(a), (3)(b)
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(1)

Sukhaimi Mashud (MJ Periera bersamanya) (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak pemohon.
Nuur Izham bin Ismail (Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Abu Bakar Katar H:

PENDAHULUAN

[1] Ini merupakan satu permohonan writ of habeas corpus oleh pemohon yang ditahan reman selama 38 hari di bawah s 4(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta itu') mulai 14 April 2021 hingga 21 Mei 2021 ('perintah reman tersebut').

[2] Pemohon memfailkan permohonan ini berdasarkan responden kedua gagal mematuhi prosedur reman s 4 Akta itu yang diputuskan dalam kes *Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases* [2021] 3 MLJ 759 dan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh pemohon tidak termasuk dalam Kesalahan Berdaftar, Akta itu.

[3] Responden-responden sebagaimana kelazimannya membantah

A permohonan pemohon untuk habeas corpus. Responden-responden berpendirian perintah reman tersebut sah dan kesalahan yang dilakukan oleh pemohon termasuk dalam kesalahan berdaftar dan sekali gus peruntukan Akta itu terpakai.

B **[4]** Sebelum pendengaran bermula, peguam persekutuan (PP) yang terpelajar mewakili semua responden mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan pemohon. Beliau bersandarkan kepada dua isu iaitu pemohon mengunakan 'mode' yang salah untuk mencabar perintah pengawasan Polis bertarikh 20 Mei 2021 yang dikeluarkan di bawah s 15 Akta itu dan pemohon
C gagal menamakan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagai suatu pihak dalam permohonan untuk mencabar perintah tersebut.

[5] Mahkamah ini telah mendengar hujahan bertulis/lisan pihak-pihak, di
D akhir pendengaran mahkamah ini membenarkan bantahan awal yang dikemukakan oleh PP yang terpelajar. Mahkamah ini selanjutnya menolak lampiran (1).

LATAR PENTAS KES

E

[6] Pemohon pada mulanya menjalankan perniagaan atas nama STMT Recycle Sdn Bhd ('syarikat itu'). Syarikat itu, antara lainnya, membeli, menjual, mengangkut, menyimpan, membekal, mempromosi dan menguruskan semua bentuk logam terpakai. Syarikat ini telah didaftarkan
F secara sah di Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM). Syarikat pemohon didaftarkan sebagai '139405-M'.

[7] Pemohon kemudiannya telah ditangkap pada 15 Mac 2021 kerana dikatakan terlibat dengan kecurian kabel kepunyaan satu syarikat komunikasi
G di Malaysia. Pemohon telah di reman mengikut peruntukan s 4(1)(a) Akta itu selama 21 hari dan kemudiannya di tahan selama 38 hari mengikut peruntukan s 4(2)(a) Akta itu.

H **[8]** Pemohon melalui peguamnya pada 12 Mei 2021 telah memfailkan permohonan habeas corpus di lampiran (1) mencabar perintah reman tersebut iaitu reman 38 hari.

MERIT PERMOHONAN PEMOHON

I

[9] Sebelum mahkamah ini berkesempatan menyentuh merit permohonan pemohon, PP yang terpelajar mewakili semua responden telah mengemukakan bantahan awal atau isu-isu berikut:

(a) pemohon mengunakan 'mode' yang salah untuk mencabar perintah

pengawasan Polis bertarikh 20 Mei 2021 yang dikeluarkan di bawah s 15 Akta itu; dan

(b) pemohon gagal menamakan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagai suatu pihak dalam permohonan untuk mencabar perintah tersebut.

Bagi isu bantahan (a)

Penghujahan oleh PP yang terpelajar

[10] PP yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan pemohon sekarang bukannya berada dalam suatu tempat tahanan sebaik perintah pengawasan Polis dikeluarkan pada 20 Mei 2021. Peruntukan s 365 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') hanya terpakai sekiranya melibatkan tahanan secara fizikal. Pemakaian ruang lingkup peruntukan s 365 KTJ ada dirungkai dalam nas duluan iaitu *Kerajaan Malaysia & Ors v Nasharuddin Nasir* [2003] MLJU 841; [2004] 1 CLJ 81 dan *Sejahratul Dursina @ Chomel bte Abdullah v Kerajaan Malaysia & Ors* [2006] 1 MLJ 405; [2008] 1 CLJ 593. PP yang terpelajar selanjutnya menghujahkan perintah pengawasan Polis yang menghadkan pergerakan pemohon ianya tidak terjumlah kepada suatu penahanan atau kurungan bagi maksud peruntukan s 365 KTJ. Beliau bersandarkan kes *Cheow Siong Chin v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1985] 2 MLJ 95; [1985] CLJ Rep 59 yang memutuskan sedemikan. Dalam kes yang sama turut memutuskan pemohon yang berhadapan situasi sebegini, pemohon masih mempunyai remedi lainnya untuk mencabar perintah pengawasan Polis iaitu secara semakan kehakiman (*judicial review*) menurut peruntukan A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). PP yang terpelajar menghujahkan isu (a) ini memihak pihak semua responden.

[11] PP yang terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *Goh Leong Yong v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan & Ors* [2021] 5 MLJ 474; [2021] 1 LNS 994, keputusan Mahkamah Persekutuan yang muktahir tidak mengikuti kes *Zaidi bin Kanpiah*. Sekali gus cabaran tidak boleh dilakukan ke atas perintah reman atau tahanan. Permohonan pemohon di lampiran (1) telah menjadi akademik.

Penghujahan oleh peguam pemohon yang terpelajar

[12] Secara ringkasnya peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan pihaknya secara betul memfailkan permohonan habeas corpus di lampiran (1) kerana ia bertujuan untuk mencabar perintah reman 38 hari dibawah s 4(2) Akta itu dan bukannya perintah pengawasan Polis sebagaimana yang cuba dihujahkan oleh PP yang terpelajar. Semasa lampiran (1) difailkan pada 12 Mei 2021, pemohon masih berada dalam tahanan reman 38 hari.

[13] Peguam pemohon yang terpelajar mengambil pendirian walaupun perintah reman tersebut telah pun tamat sebaik perintah pengawasan Polis bertarikh 20 Mei 2021, cabaran masih boleh dilakukan bersandarkan kes *Zaidi bin Kanapiah* dan *Mohamad Ezam bin Mohd Noor v Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 MLJ 449; [2002] 4 CLJ 309. Selanjutnya dihujahkan isu akademik tidak berbangkit sama sekali.

[14] Secara alternatif peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan walaupun ia telah akademik, mahkamah ini dihujahkan mempunyai budibicara untuk mendengarnya atas alasan kepentingan awam iaitu isu penahanan merupakan undang-undang umum (*public law*). Bagi menyokong hujahannya beliau menarik perhatian Mahkamah ini kepada kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Arasa Kumaran* [2006] 6 MLJ 689. Peguam pemohon yang terpelajar selanjutnya menghujahkan walaupun perintah pengawasan Polis telah dikeluarkan pergerakan pemohon masih terbatas dan tiada kebebasan yang sebenar dirasai oleh pemohon.

[15] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan bagi maksud peruntukan perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan, keadilan dan kesaksamaan merupakan teras yang perlu ditimbangkan apabila melibatkan kebebasan individu. Peguam pemohon menyedari keputusan *Goh Leong Yong* di mana tidak mengikuti keputusan *Zaidi bin Kanapiah.* Peguam pemohon yang terpelajar menegaskan bagi tujuan perkembangan undang-undang habeas corpus, eloklah kes *Goh Leong Yong* tidak dikuti. Kes *Zaidi bin Kanapiah* dihujahkan undang-undang yang terkini dan amat malang untuk berbalik 15 tahun kebelakang semata-mata untuk mengikuti kes *Goh Leong Yong.* Peguam pemohon yang terpelajar turut mengujahkan prinsip yang diputuskan dalam kes *Mohd Faizal bin Haris v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2006] 1 MLJ 309; [2005] 4 CLJ 613, *L Rajanderan a/l R Letchumanan v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia and Others* [2010] MLJU 554; [2010] 7 CLJ 653*; Mohd Ezam*; *Nasharuddin Nasir* dan *Goh Leong Yong* ia memutuskan isu berkaitan tahanan (*detention*). Sebaliknya pemohon dalam kes semasa bukannya berada dalam tahanan, dihujahkan kes-kes yang dirujuk sebelum ini tidak terpakai.

[16] Peguam pemohon yang terpelajar seterusnya menghujahkan peruntukan s 15B(1) dan (2) Akta itu ia tidak menghalang permohonan secara habeas corpus dan bukannya A 53 KKM semata-mata. Permohonan semakan kehakiman termasuk habeas corpus. Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan bantahan atas isu (a) seharusnya ditolak.

Pendapat mahkamah ini

[17] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (a) dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan s 365 KTJ di mana permohonan pemohon ini diasaskan. Peruntukan s 365 KTJ berbunyi seperti berikut:

> The High Court may whenever it thinks fit direct —
>
> (a) that any person who:
>
> (i) is detained in any prison within the limits of Malaysia on a warrant of extradition whether under the Extradition Act 1992 [Act 479]; or
>
> (ii) *is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia*, be set at liberty. (Penekanan ditambah.)

[18] Mahkamah ini bersetuju semasa permohonan pemohon difailkan di lampiran (1) pada 12 Mei 2021, pemohon masih berada dalam perintah reman 38 hari lagi. Ketika itu pemohon memilih *mode* yang betul iaitu memfailkan habeas corpus mengikut peruntukan s 365(a)(ii) KTJ. Pemohon mempertikaikan permohonan reman di bawah s 4(2) Akta itu oleh responden kedua yang dikatakan tidak dilakukan secara kehakiman dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam kes *Zaidi bin Kanapiah.*

[19] Walaupun begitu, sebaik Lembaga Pencegahan Jenayah mengeluarkan perintah pengawasan Polis di bawah s 15 Akta itu, pemohon bukannya secara fizikal berada dalam tahanan atau kurungan secara salah atau menyalahi undang-undang sebagaimana yang dihujahkan oleh PP yang terpelajar.

[20] Mahkamah ini mendapat panduan yang jelas berkaitan pemakaian habeas corpus sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Sejahratul Dursina* di mana YA Abdul Hamid Mohamad HMP (pada ketika itu) ada menjelaskan seperti berikut:

> [18] Indeed, in *Nasharuddin*, Steve Shim (CJ Sabah and Sarawak) had made it clear, at p 89:
>
> > It is trite law that the remedy of habeas corpus is intended to facilitate *the release of persons actually in unlawful custody. It is the fact of detention which gives the court its jurisdiction* (see *Barnado v Ford* [1892] AC 326. *The observation made by* Choor Singh in *Re Onkar Shrian* [1970] 1 MLJ 28; [1969] 1 LNS 155 is particularly instructive. (Emphasis added.)
>
> [19] The learned Chief Judge (Sabah and Sarawak) then quoted part of the judgment of Choor Singh J, and concluded at p 90 of the report:
>
> > In the result, Choor Singh J took the position that a writ of habeas corpus had to be addressed to the person or authority having actual physical custody of the person alleged to be detained illegally. That, in my view, represents a correct statement of the law. In a situation where the court finds it impossible to issue the

A writ because the person or authority no longer has custody of the detainee, it should not hear the application. Indeed, it has no jurisdiction to do so. This is precisely the position in the instant case. Here, the facts show that when the application came up for full argument before the court, the police no longer had custody of the respondent. Custody had been transferred to the Minister upon
B the issuance of a detention order under s 8 of the ISA. In the circumstances, it would have been appropriate for the respondent to file a fresh notice of motion for a writ against the detention order issued by the Minister. In the absence of such a motion, the court had embarked on a misconceived course of action in assuming jurisdiction.

C

[21] Berbekalkan prinsip-prinsip yang digariskan dalam kes *Sejahratul Dursina,* mahkamah ini berpendapat sebaik pemohon di letakkan di bawah perintah pengawasan Polis yang diperuntukkan di bawah s 15 Akta itu, pemohon ketika itu tidak berada dalam tahanan atau kurungan salah bagi
D membolehkan pemakaian s 365 KTJ.

[22] Mahkamah ini telah menimbangkan hujahan peguam pemohon yang terpelajar berkaitan prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi membolehkan
E permohonan pemohon ditimbangkan atas meritnya. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan PP yang terpelajar sebaik perintah pengawasan Polis dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah, pemohon tidak lagi berada dalam tahanan atau kurungan bagi membolehkan habeas corpus terpakai. Mahkamah ini merujuk kes *Cheow Siong Chin,* YA Eusoffe Abdoolcader HMA
F ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

On a consideration of the authorities we have adumbrated, none of which, except for two, were referred to in the Court below or before us, we are of the view that the restraint imposed by reason of an order of restricted residence under the Enactment does not constitute detention of such a nature as to attract the application of the writ of habeas
G *corpus. The writ of habeas corpus is accordingly not available to the appellant in the circumstance but we would immediately observe consequent to the conclusion we have come to that this denial does not mean that he is without remedy in his quest to challenge the orders made against him or that his right of recourse to the fundamental maxim 'ubi jus ibi remedium' (there is no wrong without a remedy) is thwarted. On the basis of his claim that his case did not come within the scope ambit and purview of the Enactment*
H *or that an enquiry should have been held before the orders were made, it would be open to him to seek relief by way of an order of certiorari or a declaration to this effect. An order of certiorari may in appropriate circumstance serve the same purpose as habeas corpus* (*Rex v Secretary of State for Home Affairs, Ex parte Duke of Chateau Thierry* [1917] 1 KB 922 (at p 930), but for this we would observe that he appears to be out of time
I unless it is extended under the relevant statutory provisions: *Mersing Omnibus Co Sdn Bhd v Minister of Labour and Manpower & Anor* [1983] 2 MLJ 54; [1983] 1 CLJ Rep 266 and in *Haley v Commissioner for Corrective Services* [1975] 1 NSWLR 118 it was assumed sub silentio that a First World War, emergency regulations restricting movement out of or into certain parts of England under the Defence of the Realm Acts, 1914–15 (the precursor to the Emergency Powers (Defence)Act,

1939 enacted during the Second World War under which equipollent regulations were promulgated) empowered the making of an order by the competent military authority in prescribed circumstance to prohibit a person from residing in or entering any specified area, and such orders were sought to be assailed, unsuccessfully on the facts and merits of the matter in each case, in *Rex v Denison, Ex parte Nagale* [1916] 85 LJ KB 1744 in the Divisional Court of the King's Bench Division by way of writs of prohibition and certiorari, and in *Ronnfeldt v Phillips & Ors* [1918] 35 TLR 46 in the Court of Appeal by way of a declaration that the order was ultra vires and void and an injunction to restrain the defendants in that case from preventing him from returning to the area from which he was barred.

[23] Mahkamah ini berpendapat berpandukan prinsip yang digariskan dalam kes *Cheow Siong Chin*, sebaik pemohon berada dalam perintah pengawasan Polis peruntukan s 365 KTJ tidak terpakai. Pemohon masih mempunyai ruang untuk mencabarnya melalui semakan kehakiman yang diperuntukkan di bawah A 53 KKM. Mahkamah ini tidak bersetuju hak pemohon yang dijamin di bawah perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan tidak dapat dipertahankan.

[24] Mahkamah ini turut menimbangkan perkembangan terkini di mana Mahkamah Persekutuan dalam kes yang muktahir iaitu *Goh Leong Yong* tidak mengikuti keputusan *Zaidi bin Kanapiah.* Dalam kes *Goh Leong Yong,* Mahkamah Persekutuan kembali kepada nas-nas yang diputuskan sebelum *Zaidi bin Kanapiah* iaitu cabaran terhad kepada perintah semasa dan bukannya diperingkat tahanan.

[25] Dalam kes *Goh Leong Yong,* YA Abdul Rahman Sebli HMP, dalam penghakimannya secara terperinci telah mengulas dan menyimpulkan pandangannya untuk tidak mengikuti keputusan kes *Zaidi bin Kanapiah* berkaitan isu akademik. YA Hakim yang sama dalam penghakimannya menyimpulkan pandangannya seperti berikut:

[194] I reject counsel's argument that being a smaller bench of three judges, this panel cannot depart from the decision of the larger bench of five judges in *Zaidi bin Kanapiah* on the academic issue. I have reminded myself that such power to depart must be exercised very sparingly by this court given the dangerous consequences of the exercise of such power, but having done so, I feel bound by duty to depart from *Zaidi bin Kanapiah* on the academic issue as there are compelling enough reasons to render the decision unsustainable.

[195] The decisions of this court in *Faizal Haris*, *Nasharuddin Nasir* and all other cases decided along the same line are reaffirmed. *Mohamad Ezam* must stand overruled. My learned sister Justice Zabariah Mohd Yusof has had sight of this supporting judgment in draft and has agreed to it.

[26] Mahkamah ini amat tertarik dengan niat suci hujahan peguam pemohon yang terpelajar yang menggesa mahkamah ini untuk tidak

mengikuti keputusan *Goh Leong Yong* kerana berundur ke belakang 15 tahun. Keputusan kes *Zaidi bin Kanapiah* seharusnya diikuti untuk perkembangan baru undang-undang di Malaysia dan bukannya menjumud kepada nas-nas yang sebelumnya. Dengan penuh hormatnya, keputusan Mahkamah Persekutuan yang muktahir dalam kes *Goh Leong Yong* seharusnya diikuti oleh Mahkamah ini dan bukannya kes *Zaidi bin Kanapiah* sebagaimana yang didambakan oleh peguam pemohon yang terpelajar.

[27] Mahkamah ini sedar di hadapan mahkamah sekarang ada dua keputusan Mahkamah Persekutuan iaitu kes *Zaidi bin Kanapiah* yang memutuskan cabaran boleh dibuat di peringkat tahanan dan bukan perkara akademik. Sebaliknya, dalam kes *Goh Leong Yong* yang terkini tidak bersetuju dengan keputusan kes *Zaidi bin Kanapiah.* Dalam keadaan sebegini, mahkamah ini merujuk kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645 di mana YA Peh Swee Chin HMP ada memberikan panduannya:

> ... If the House of Lords, and by analogy, the Federal Court, departs from its previous decision when it is right to do so in the circumstances set out above, then also by necessary implication, its decision represents the present state of the law. When two decisions of the Federal Court conflict, on a point of law, the later decision therefore, for the same reasons, prevails over the earlier decision.

[28] Mahkamah ini mengambil pendekatan sebagaimana yang disarankan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh,* keputusan yang muktahir atau terkini dalam kes *Goh Leong Yong* diikuti.

[29] Mahkamah ini turut menimbangkan ingatan YA Gopal Sri Ram dalam kes *Periasamy s/o Sinnappan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557 yang menyatakan:

> We may add that it does not augur well for judicial discipline, when a High Court treats the decision of the Supreme Court with little or no respect, in disobedience to the well-entrenched doctrine of stare decisis. *We trust that the occasion will never arise again when we have to remind High Court judges that they are bound by all judgments of this court and of the Federal Court and they must, despite any misgivings a judge may entertain as to the correctness of a particular judgment of either court, apply the law as stated therein.*

[30] Peguam pemohon yang terpelajar mengajak mahkamah ini untuk mengikuti kes *Zaidi bin Kanapiah* demi perkembangan terkini undang-undang berkaitan habeas corpus iaitu isu akademik dan bukannya untuk berundur kebelakang. Mahkamah ini sedar prinsip 'stare decisis' yang tumbuh subur dalam lanskap kehakiman di Malaysia yang sering disantuni. Mahkamah ini terikat dengan keputusan *Goh Leong Yong* dalam isu akademik. Sehubungan itu sebaik perintah pengawasan Polis dikeluarkan, perintah reman

38 hari telah menjadi perkara yang akademik dan pemohon dihalang untuk mencabarnya bagi tujuan habeas corpus. A

[31] Mahkamah ini akan menyentuh hujahan alternatif peguam pemohon yang terpelajar walaupun isu akademik, mahkamah ini diusulkan untuk keadilan dan kesaksamaan terhadap pemohon agar menimbangkan permohonan pemohon kerana ia melibatkan persoalaan undang-undang awam (*public law*). Mahkamah ini dirujuk kes *Arasa Kumarasan,* ia melibatkan pertikaian s 3(3)(a) dan (b) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pembenterasan Jenayah) 1969 (Ordinan tersebut). Mahkamah ini berpendapat kes *Arasa Kumarasan* ia melibatkan kepentingan awam apabila Mahkamah Tinggi tidak mengikuti keputusan *Mohd Faizal bin Haris*. Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan ketika itu ada memutuskan: B C

> (1) Yang Arif Hakim, dalam mentafsir s 3(3)(a) dan (b) Ordinan 1969, bergantung kepada keputusan terdahulu beliau dalam kes *Rasid Kulop Mohamad v Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors*. Dalam kes itu, apa yang dikatakan yang arif hakim sebagai 'analisa halusnya' terhadap s 3(3)(a) dan (b) dan s 3(5) Ordinan 1969 sebenarnya telah membawa beliau kepada mengembangkan perkataan 'in' di dalam peruntukan, dari sesuatu yang kecil dan tak signifikan menjadi satu bahagian yang sangat besar dan yang mengawalselia makna peruntukan. Ini pula menyebabkan beliau tersalah tafsir s 3(3)(a) dan (b) Ordinan 1969, yang hanya memerlukan autoriti seorang pegawai polis bagi menahan seseorang. Tidak ada satupun dalam perbahasaan seksyen tersebut yang mengkehendaki pegawai polis yang mengarahkan penahanan seseorang untuk memilih tempat-tempat tertentu orang tahanan itu harus ditahan serta mengarahkan pegawai yang menjaga tempat itu untuk menerima dan menahan orang tersebut. Seksyen 3(5) Ordinan 1969, yang membawa kepada yang arif hakim melihat s 3(3)(a) dan (b) dari kacamata yang berbeza dari yang dipaparkan, adalah terang dan jelas. Ia terdiri dari dua bahagian, di mana yang pertama merupakan peruntukan menganggap dengan menyatakan bahawa mana-mana orang yang ditahan di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen tersebut dianggap berada dalam penahanan yang sah, sementara yang keduanya pula menetapkan tempat-tempat di mana orang itu boleh ditahan. Seksyen 3(5) Ordinan 1969 tidak mempengaruhi dengan apa cara sekalipun makna yang boleh diberi kepada s 3(3)(a) dan (b). Yang Arif Hakim dengan itu khilaf dalam tafsiran yang diberikan kepada s 3(3)(a) dan (b) Ordinan 1969. D E F G

[32] Mahkamah ini berpendapat fakta dalam kes *Arasa Kumaran* berbeza dengan fakta kes pemohon di hadapan sekarang. Dalam kes pemohon sekarang, peguam pemohon sekadar memohon mahkamah ini mengikuti keputusan kes *Zaidi bin Kanapiah* yang menjadi nas sandaran yang kuat di pihak pemohon. Sebaliknya, dalam kes *Arasa Kumaran* ia melibatkan tafsiran peruntukan s 3(3)(a) dan (b) Ordinan tersebut. Mahkamah Persekutuan memutuskan untuk mendengar rayuan walaupun telah menjadi akademik. Keputusan rayuan ini (*Arasa Kumarasan*) mempunyai kesan kepada kes-kes semasa dan pada masa hadapan. Sehubungan itu, Mahkamah Persekutuan berpendapat isu ini seharusnya diselesaikan secepat mungkin. Berbalik kepada H I

kes pemohon, mahkamah ini berpendapat tiada keperluan untuk mendengar permohonan pemohon sebaik mahkamah ini memilih untuk mengikuti keputusan kes *Goh Leong Yong*.

[33] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan diatas, isu (a) ini menyebelahi pihak semua responden.

Bagi isu bantahan (b)

Penghujahan oleh PP yang terpelajar

[34] PP yang terpelajar menghujahkan sekiranya pemohon dibenarkan untuk meneruskan permohonan ini, lampiran (1) masih cacat kerana tidak menamakan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagai pihak-pihak. Perintah pengawasan Polis yang dikeluarkan pada 20 Mei 20021 oleh Lembaga Pencegahan Jenayah di bawah s 15 Akta itu. PP yang terpelajar menghujahkan Lembaga Pencegahan Jenayah hendaklah dinamakan bagi membolehkan Lembaga Pencegahan Jenayah menjawab apa-apa isu yang dibangkitkan oleh pemohon nanti. PP yang terpelajar merujuk peruntukan A 15 k 6(2)(b) KKM bagi menyokong hujahnnya berkaitan Lembaga Pencegahan Jenayah dijadikan pihak-pihak. Mahkamah ini dirujuk kes *HS Realty Sdn Bhd v Yeoh Eng Wah (Yeoh Hock Khoon & Anor, intervener)* [2020] MLJU 327; [2020] 1 LNS 256 yang menerangkan kepentingan memasukkan suatu pihak dalam tindakan.

[35] PP yang terpelajar turut membangkitkan isu responden kedua iaitu majistret yang dijadikan pihak-pihak bercanggah dengan peruntukan s 14 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang memberi perlindungan kepada pegawai kehakiman untuk disaman di mahkamah sivil berkaitan tugas-tugas kehakiman yang dijalankan. Mahkamah ini dirujuk kes *Tee Yam @ Koo Tee Yam v Timbalan Menteri, Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 5 MLJ 645; [2005] 6 CLJ 550 dan *Mohd Shahriman Mohd Khairil v Public Prosecutor & Anor* [1998] 2 CLJ 855 berkaitan isu Majistret memfailkan afidavit bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Penghujahan oleh peguam pemohon yang terpelajar

[36] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan responden kedua sepatutnya dijadikan pihak-pihak kerana permohonan pemohon mencabar perintah reman 38 hari yang dikeluarkan oleh responden kedua. Semasa permohonan di lampiran (1) difailkan, Lembaga Pencegahan Jenayah belum mengeluarkan perintah pengawasan Polis di bawah s 15 Akta itu. Ketika itu tiada keperluan menamakan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagai pihak-pihak memandangkan cabaran pemohon terarah kepada reman 38 hari yang dikeluarkan oleh responden kedua mengikut peruntukan s 4(2) Akta itu.

Pendapat mahkamah ini

[37] Mahkamah ini telah pun memutuskan bantahan isu (a) memihak kepada pihak semua responden. Berdasarkan alasan (a) ia memadai untuk membenarkan Bantahan Awal yang dikemukakan oleh PP yang terpelajar. Sekali gus lampiran (1) yang difailkan oleh pemohon ditolak. Bagi kesempurnaan Penghakiman ini, mahkamah ini akan menyentuh isu (b) berkaitan kegagalan pemohon menamakan Lembaga Pencegahan Jenayah dalam permohonan habeas corpus. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar iaitu semasa lampiran (1) difailkan Lembaga Pencegahan Jenayah belum mengeluarkan perintah pengawasan Polis di bawah s 15 Akta itu. Sehubungan itu tiada keperluan bagi pemohon menjadikan Lembaga Pencegahan Jenayah sebagai pihak-pihak. Pemohon bergantung kepada kes *Zaidi bin Kanapiah* yang membenarkan cabaran reman termasuk s 4(2) Akta itu iaitu reman 38 hari yang dikeluarkan oleh responden kedua. Walaupun begitu, kes *Goh Leong Yong* telah mengubah kedudukan undang-undang terkini yang tidak mengikuti kes *Zaidi bin Kanapiah.*

[38] Secara sepintas lalu, mahkamah ini akan menyentuh isu peruntukan s 14 Akta 1964 yang dihujahkan tidak membenarkan majistret (responden kedua) disaman di mahkamah sivil semasa menjalankan tugas-tugas kehakiman. Mahkamah ini berpendapat s 14 Akta 1964 ia terpakai untuk Hakim sebagaimana takrifan di bawah s 2 Akta 1964 termasuk mana-mana orang yang menjalankan tugas kehakiman di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Mahkamah ini berpendapat bagi responden kedua (majistret), peruntukan yang terpakai ialah s 107 Akta Mahkamah Rendah 1948 ('Akta 1948') yang berbunyi seperti berikut:

> (1) No Sessions Court Judge, Magistrate or other person acting judicially shall be liable to be sued in any civil court for any act done or ordered to be done by him in the discharge of his judicial duty, whether or not within the limits of his jurisdiction, nor shall any order for costs be made against him, provided that he at the time in good faith believed himself to have jurisdiction to do or order the act complained of.

[39] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 107 Akta 1948 ia merupakan imuniti ke atas majistret atau hakim sesyen atau 'other person acting judicially' daripada disaman di mahkamah sivil sehingga natijahnya menyebabkan tuntutan gantirugi terhadap majistret atau hakim sesyen atau 'other person acting judicially' ekoran tugas kehakiman yang dijalankan. Sebaliknya dalam konteks kes pemohon, majistret itu (responden kedua) dinamakan bagi tujuan cabaran dilakukan semasa reman 38 hari di bawah s 4(2)(a) Akta itu dan selaras dengan keputusan *Zaidi bin Kanapiah* yang berkuatkuasa ketika permohonan pemohon di lampiran (1) difailkan.

KESIMPULAN

[40] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini membenarkan bantahan awal yang dikemukakan oleh PP yang terpelajar atas alasan pemohon memfailkan permohonan secara 'mode' yang salah sebaik Lembaga Pencegahan Jenayah mengeluarkan perintah pengawasan Polis ke atas pemohon. Pemohon mempunyai remedi yang lainnya iaitu mencabar secara semakan kehakiman melalui tatacara yang ditetapkan di bawah A 53 KKM. Memandangkan mahkamah ini terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang terkini iaitu kes *Goh Leong Yong*, pemohon dihalang untuk mencabar perintah reman 38 hari kerana ianya telah menjadi akademik. Pemohon hanya dibenarkan mencabar atas perintah semasa sebagaimana prinsip yang dihidupkan semula dalam kes *Goh Leong Yong*.

[41] Pada akhirnya, mahkamah ini menolak lampiran (1).

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh